

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN**

**DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

**DARIPADA : Y.B. PUAN SITI ZAILAH BINTI MOHD YUSOFF  
(RANTAU PANJANG)**

**PERTANYAAN : LISAN**

**TARIKH : 19.10.2015**

**Y.B. PUAN SITI ZAILAH BINTI MOHD YUSOFF [ RANTAU PANJANG ]**

minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan secara terperinci perbelanjaan untuk bayaran balik pinjaman RM46 bilion 1MDB sehingga Oktober 2015.

**JAWAPAN**

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, jumlah hutang/pinjaman 1MDB bagi tahun berakhir 31 Mac 2014 adalah sebanyak RM42 bilion. Jumlah terperinci perbelanjaan dan bayaran balik pinjaman yang dibuat oleh 1MDB ada dinyatakan di dalam Penyata Kewangan 1MDB yang telah diaudit sejak tahun 2009 dan telah difailkan setiap tahun di Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM). Maklumat terperinci berkaitan Penyata Kewangan

1MDB yang telah diaudit boleh dimuat-turun di laman web SSM.

Pada 18 Februari 2015, 1MDB telah mengumumkan hasil kajian strategik atau *strategic review* (dengan izin) syarikat tersebut. Pelan Rasionalisasi ini menggariskan strategi dan langkah-langkah yang akan diambil oleh 1MDB untuk membayar balik hutang syarikat.

Antara pencapaian yang telah dicapai oleh 1MDB setelah Pelan Rasionalisasi dibentangkan adalah seperti berikut:

- i. Pembayaran semula hutang sebanyak AS\$975 juta dan *debt for asset swap*, (dengan izin) dengan IPIC di mana pelaksanaan *binding term sheet*, (dengan izin) dengan IPIC dijangka akan mengurangkan hutang syarikat sebanyak RM 16 bilion;
- ii. Lebih RM1 bilion tanah di TRX telah dijual;
- iii. Tawaran bidaan terakhir daripada pembida tempatan dan antarabangsa bagi Edra Energy dan Bandar Malaysia akan diterima pada akhir bulan Oktober 2015 di mana Perjanjian Jual Beli (SPA) bagi kedua-dua aset tersebut dijangka akan dilaksanakan pada bulan Disember 2015;
- iv. Tanah di Pulau Indah sedang dalam proses penjualan; dan
- v. 1MDB sentiasa memenuhi komitmen pembayaran balik prinsipal dan

faedah pinjaman dengan konsisten.